

DALAM NEGERI



ZAKI ZAKARIA (dua dari kiri) bertukar memorandum persefahaman dengan Hanapi Suliman sambil disaksikan oleh Abdul Fattah Abdullah (tengah) di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Esotha Krishnamoorthy (kiri) dan Siang Lim Seh Wan (kanan) - UTUSAN/SURIYA BONMA

Galakan masyarakat periksa mata lebih kerap

Ahli Angkasa terima kad rawatan percuma

Oleh OMAR ZIN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 21 APRIL

SEBANYAK lapan juta ahli Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bakal menerima pelbagai faedah apabila kerjasama dengan Hospital Mata Kebangsaan Tun Hussein Onn (THONEH) membolehkan mereka memperoleh kad kesetiaan MyAngkasa-THONEH secara percuma.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, kad kesetiaan tersebut diwujudkan bagi menggalakkan ahli masyarakat untuk mengadakan pemeriksaan mata dengan lebih kerap.

"Sebanyak 60 peratus populasi di dunia ketika ini mengalami masalah mata selain bilangan penghidap kencing manis yang semakin meningkat sekali gus pentingnya menyedarkan masyarakat untuk selalu menjaga

mata dengan baik.

"Pada masa yang sama, kerjasama dengan THONEH ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan negara dari sektor kesihatan, tetapi juga menyediakan kemudahan kesihatan terbaik untuk masyarakat," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) menerusi anak syarikatnya, MyAngkasa Holdings Sdn. Bhd. dengan anak syarikat THONEH, THES Capital Sdn. Bhd.

Yang turut hadir Timbalan Pengarah Urusan Tun Hussein Onn National Eye, Esotha Krishnamoorthy; Ketua Pegawai Eksekutif Tun Hussein Onn National Eye, Zaki Zakaria; Pengarah MyAngkasa, Datuk Paduka Hanapi Suliman dan Ketua Pegawai Kewangan MyAngkasa, Siang Lim Seh Wan.

Kerjasama antara Angkasa-THONEH itu mempunyai dua fasa iaitu fasa pertama memberi

peluang kepada ahli-ahli koperasi untuk membuat pemeriksaan mata sebagai langkah pencegahan awal manakala fasa kedua membolehkan ahli-ahli koperasi menceburii bidang perniagaan kesihatan terutamanya bidang optometri yang mempunyai potensi perniagaan sebanyak RM983 juta.

Antara manfaat yang bakal diterima melalui kad kesetiaan MyAngkasa-THONEH termasuklah rebat tunai, yuran pendaftaran pengecualian untuk perkhidmatan di atas RM300 bagi setiap pesakit dalam satu transaksi pembayaran serta diskain sekurang-kurangnya lapan peratus dengan diskain tambahan dari semasa ke semasa.

THONEH juga menyediakan lorong keutamaan dan tempat letak kereta percuma untuk satu jam pertama selain berpeluang untuk mendapatkan hadiah-hadiah menarik menerusi cabutan bertuah yang diadakan sebanyak dua kali setahun.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia